



**UNIVERSITI KUALA LUMPUR  
Malaysia France Institute**

---

**FINAL EXAMINATION  
SEPTEMBER 2014 SESSION**

---

**SUBJECT CODE** : MPU2213, MPW1113

**SUBJECT TITLE** : BAHASA KEBANGSAAN A

**LEVEL** : DIPLOMA

**TIME / DURATION** : 9.00 AM – 12.00 PM  
( 3 HOURS )

**DATE** : 11 JANUARY 2015

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

---

1. Please read the instructions given in the question paper CAREFULLY.
2. This question paper is printed on both sides of the paper.
3. Please write your answers on the answer booklet provided.
4. Answer should be written in blue or black ink except for sketching, graphic and illustration.
5. This question paper consists of THREE (3) sections. Section A, B and C. Answer all questions in Section A and B. For Section C, answer one (1) questions only.
6. Answer all questions in Bahasa Melayu.

---

**THERE ARE 12 PAGES OF QUESTIONS, EXCLUDING THIS PAGE.**

---

**BAHAGIAN A (Jumlah: 20 markah)****ARAHAN:** Jawab SEMUA soalan.**Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

1. "Mereka memaklumkan bahawa kejadian itu berlaku secara tiba-tiba."Ayat majmuk di atas merupakan ayat majmuk
  - A. komplimen.
  - B. relatif.
  - C. campuran.
  - D. gabungan.
  
2. Kata hubung seperti "dan", "lalu", "serta", "tetapi" apabila digunakan untuk menghubung ayat-ayat tunggal akan membentuk ayat majmuk \_\_\_\_.
  - A. relatif.
  - B. komplimen.
  - C. keterangan.
  - D. gabungan.
  
3. Ayat yang manakah berikut ini tergolong dalam ayat-ayat pasif?
  - I. Abang ayahnya itu tinggal di Seremban.
  - II. Saya akan menyediakan air minuman.
  - III. Ibu telah menyediakan makanan itu sebelum dia ke tempat kerja.
  - IV. Tembok itu terlanggar oleh lori pada malam tadi.
  - A. I, II dan III.
  - B. II dan III.
  - C. II, III dan IV.
  - D. III dan IV.
  
4. Jika bentuk ayat aktifnya berbunyi "Kami akan memasang kesemua khemah sebaik sahaja tiba di tempat perkhemahan nanti.", bentuk ayat pasifnya akan berbunyi
  - A. "Akan memasangkan kesemua khemah sebaik sahaja kami tiba di tempat perkhemahan nanti."
  - B. "Sebaik sahaja tiba di tempat perkhemahan nanti kami akan memasangkan kesemua khemah."
  - C. "Kesemua khemah akan didirikan oleh kami sebaik sahaja tiba di tempat perkhemahan nanti."
  - D. "Kesemua khemah akan kami dirikan sebaik sahaja tiba di tempat perkhemahan nanti."

5. "Mereka ke Singapura petang semalam."

Frasa predikat dalam ayat di atas merupakan frasa

- |                |              |
|----------------|--------------|
| A. kerja.      | C. adjektif. |
| B. sendi nama. | D. nama.     |

6. Yang manakah berikut ini struktur ayat songsang?

- |  |               |
|--|---------------|
| I. Sakit ibu ketika kami menziarahinya minggu lepas. |               |
| II. Adik-adiknya sedang bermain di padang.           |               |
| III. Membasuh kereta ayah di halaman rumah.          |               |
| V. Kami akan ke Johor cuti ini.                      |               |
| A. I dan II.   | C. II dan IV. |
| B. II dan III.                                       | D. I dan III. |

7. Pilih perkataan-perkataan yang **salah** ejaannya.

- |                     |                   |
|---------------------|-------------------|
| I. gembeling.       |                   |
| II. pasaraya.       |                   |
| III. bercampuraduk. |                   |
| IV. tengah hari.    |                   |
| A. I, II dan III.   | C. I, III dan IV. |
| B. II, III dan IV.  | D. I, II dan IV.  |

8. Semua ayat berikut tepat tata bahasanya **kecuali**

- |  |  |
|--|--|
| A. "Semoga kalian berdua bahagia hingga kepada anak cucu."     |  |
| B. "Di saat itu aku masih belum bersekolah."                   |  |
| C. "Dia memperoleh kecemerlangan dalam peperiksaan yang lalu." |  |
| D. "Hadiah itu adalah untuk ibu."                              |  |

9. Yang manakah berikut ini ayat yang gramatis?

- |   |  |
|---|--|
| A. Adalah dimaklumkan bahawa ibu kepada Ali telah kembali ke rahmatullah. |  |
| B. Kegagalannya adalah disebabkan kecuaiannya dalam menjawab soalan.      |  |
| C. Sedang bermain kanak-kanak itu ketika kami sampai ke rumahnya.         |  |
| D. Amran Sani melaporkan dari bilik berita.                               |  |

10. Perkataan yang manakah berikut diambil daripada laras undang-undang?
- Keluaran Dalam Negara Kasar meningkat.
  - Defenden teragak-agak ketika memberi jawapan.
  - Merembat ke pintu gol.
  - Hendaklah bertawakal.
11. "Bersenam baik untuk kesihatan."
- Frasa subjek dalam ayat di atas merupakan \_\_\_\_.
- frasa kerja.
  - frasa adjektif.
  - frasa nama.
  - frasa sendi nama.
12. Kesemua perkataan berikut salah ejaannya **kecuali** \_\_\_\_.
- gimnasium
  - agen
  - aturcara
  - stem
13. Yang manakah berikut ayat songsang yang mendahulukan kata kerja?
- Ibu ke pasar pagi tadi.
  - Berbual Pak Dollah dengan rakan-rakannya di kedai kopi.
  - Membaca surat khabar ayah di anjung rumah.
  - Novel itu ditulis oleh almarhum sahabat karib saya.
14. Yang manakah berikut ini ayat-ayat pasif?
- Adik menunggang basikal ke sekolah.
  - Buah-buah durian itu kami bawa dari kampung.
  - Bas ekpres itu dipandu oleh seorang gadis.
  - Abang mengupas buah-buah kelapa di halaman rumah.
- I, II dan III.
  - I dan II.
  - II dan III.
  - III dan IV.
15. Kesemua ayat berikut merupakan ayat aktif **kecuali** \_\_\_\_.
- Maniam menyusun buku-buku itu di dalam almari bukunya.
  - Saya mencari kunci rumah Abu yang dikatakan hilang.
  - Mereka menjual susu-susu kambing itu di pasar.
  - Ibu menjadi sedih bila terkenangkan arwah ayah.

16. Batu bersurat yang manakah berikut ini lebih awal ditemui?
- Talang Tuwo, Palembang.
  - Kedukan Bukit, Palembang.
  - Kota Kapur, Pulau Bangkasa.
  - Karang Brahi, Meringin, Ulu Jambi.
17. Dua faktor utama yang telah memungkinkan bahasa Melayu mencapai keagungannya ialah
- dijadikan bahasa pentadbiran dan penulisan pada zaman kerajaan Srivijaya.
  - menjadi bahasa komunikasi di kalangan rakyat jelata dan bahasa kesusasteraan Jawa di luar Pulau Jawa pada zaman Kerajaan Majapahit.
  - menjadi bahasa golongan istana dan bahasa batu bersurat.
  - keagungan kerajaan Melayu Melaka dan penyebaran agama Islam.
18. Dua kumpulan bangsa Melayu yang pernah mendiami Semenanjung Tanah Melayu ialah
- orang Melayu Deutro dan orang Melayu Proto.
  - orang Melayu Astro dan orang Melayu Pastro.
  - orang Melayu Austris dan orang Melayu Austronesia.
  - orang Melayu Nusantara dan orang Melayu Polinesia.
19. Bahasa Melayu mengalami kemerosotan pada
- zaman selepas perang dunia kedua.
  - zaman penjajahan Jepun.
  - zaman penjajahan Inggeris.
  - zaman penjajahan Portugis.
20. Dua aspek yang perlu dititikberatkan dalam pelaksanaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan ialah
- pengukuhan dan penerapan.
  - pengekodan dan pemupukan.
  - pemantapan dan pengukuhan.
  - kodifikasi dan peristilahan.

**BAHAGIAN B (Jumlah: 40 markah)****ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.****Sila guna buku jawapan yang disediakan.****Soalan 1**

Baca petikan berikut dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang mengikutinya. Jawapan hendaklah ditulis menggunakan ayat yang lengkap dan sempurna.

**Bahasa Melayu bahasa ilmu**

RASDAN AHMAD | 16 November 2014

ISU bahasa Melayu yang tidak diyakini sebagai bahasa ilmu sememangnya sudah lama diperkatakan. Bahasa Melayu dilihat tidak boleh diangkat serta setaraf dengan bahasa Inggeris yang dikatakan sebagai bahasa ilmu.

Dalam Mingguan Malaysia 9 November lalu, isu ketidakyakinan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu sekali lagi dibangkitkan. Dalam kolumn Anekdot Ahad yang bertajuk Mengangkat bahasa Melayu memerlukan iltizam politik telah mempersoalkan langkah golongan orang politik yang tiada iltizam untuk memartabatkan bahasa Melayu.

Rencana tersebut menyatakan faktor utama ialah hujah lama bahawa bahasa Melayu bukan bahasa ilmu untuk meneroka bidang profesional. Ini kononnya ilmu tidak ada dalam bahasa Melayu dan rujukan semua dalam bahasa Inggeris.

Persoalannya negara-negara lain seperti Jepun, Korea dan China yang langsung tidak menggunakan bahasa Inggeris boleh menjadi negara maju, sedangkan kita yang sedang memperhebatkan bahasa Inggeris masih ketinggalan berbanding mereka?

Hakikatnya bahasa Melayu juga mampu berada setanding bahasa-bahasa lain seperti bahasa Jepun dan China, namun untuk menjadikan bahasa Melayu itu setaraf dengan bahasa-bahasa ini, satu usaha yang kuat terutamanya pembabitan golongan orang politik.

Bagaimanapun kegusaran pihak-pihak tertentu tidak mahu menganggap bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu menjadi reda kerana secara kebetulan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semasa di Canberra, Australia baru-baru ini berkata,

bahasa Melayu mempunyai tempat sebagai bahasa ilmu pengetahuan dan ia tidak harus dikorbankan dalam usaha untuk memperkasakan bahasa Inggeris.

Dalam mempertahankan keputusan kerajaan untuk menukar semula pengajaran Sains dan Matematik ke dalam bahasa Melayu, Muhyiddin menjelaskan bahawa, "Saya tidak fikir bahasa saya harus dibunuh hanya kerana saya nak memperkasakan bahasa Inggeris."

Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan berkata, pandangan beliau berhubung perkara itu bukan kerana beliau orang Melayu tetapi kerana bahasa Melayu memang layak menjadi bahasa ilmu.

Sementara itu Ketua Satu Gabungan Persatuan Penulis Nasional (Gapena), Dr. Latiff Bakar jelasnya bahawa bahasa Melayu sememangnya boleh dijadikan sebagai bahasa ilmu apabila bahasa Melayu telah dijadikan sebagai bahasa penyelidikan dan sudah dibukukan.

"Bahasa Melayu sudah diajar di peringkat universiti, bukan universiti tempatan sahaja malah di seluruh dunia seperti di Korea, China dan di beberapa negara Eropah. Ini membuktikan bahawa bahasa Melayu sememangnya sebuah bahasa ilmu. Bukan itu sahaja, bahasa Melayu juga telah diiktiraf sebagai bahasa kelima terbesar di dunia," tegas Dr. Latiff.

"Saya melihat masyarakat kita hari ini tidak mempunyai kekuatan dalam mempertahankan bahasa ibunda kita sendiri, kita cukup lemah dan terlalu mudah terpengaruh. Terlalu mudah sangat untuk menerima bahasa Inggeris. Sejarah juga telah menunjukkan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa yang sudah dipakai sebagai bahasa berdagang ketika zaman kesultanan Melayu Melaka dahulu. Sekiranya pedagang mahu berdagang dengan Melaka mereka mesti menguasai bahasa Melayu," ujar beliau lagi.

Pelabuhan Melaka cukup terkenal ketika itu hanya menggunakan bahasa Melayu, jadi mengapa hari ini tidak mengolah kaedah lama yang telah digunakan itu dalam dunia moden ini? Tindakan yang sewajarnya perlu dilakukan segera oleh kerajaan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

"Bahasa Melayu bukan hanya di papan tanda sahaja, tetapi penggunaannya perlulah meluas. Saya lihat kerajaan juga masih menggunakan bahasa Inggeris dalam surat-surat

rasmi. Kenapa perkara ini perlu berlaku di negara yang memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi?,” soal Dr. Latiff.

Ada juga yang menganggap sekiranya ingin maju dalam bidang teknologi, kita perlu menguasai bahasa Inggeris. Namun hal tersebut disangkal sekeras-kerasnya oleh Namazi Azahari bekas jurutera yang pernah bekerja di beberapa syarikat multinasional termasuk Fujitsu dari Jepun.

Azahari yang kini dalam proses menyiapkan satu projek mengeluar mikropemproses berpaten yang boleh memberi saingen kepada syarikat gergasi Intel menegaskan bahawa bahasa Inggeris sebenarnya tidak mempunyai kelebihan dalam bidang teknologi.

Jelasnya, untuk menguasai bidang sains dan teknologi bahasa Inggeris bukanlah bahasa yang mampu memberikan kelebihan. Bidang teknologi seperti kimia dan fizik, kita perlu menguasai matematik. Matematik bukan bahasa sebaliknya adalah angka. Jadi dalam bahasa Melayu juga boleh menguasai bidang sains dan teknologi.

“Saya fikir dalam kalangan pemimpin politik khasnya tidak mempunyai keyakinan untuk membawa dan mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Sekiranya pelbagai pihak termasuk kerajaan sendiri berganding bahu dan berusaha untuk mengangkat bahasa Melayu sejak dulu lagi, saya rasa bahasa Melayu ketika ini sudah berada dalam kelasnya yang tersendiri,” jelasnya.

Kesimpulannya masih ada cahaya di hujung terowong untuk melihat bahasa Melayu dianjak sebagai bahasa ilmu di negara ini, pada masa yang sama turut memperkasakan bahasa Inggeris yang boleh dijadikan sebagai nilai tambah untuk meneroka bidang teknologi dan industri. Pengalaman orang seperti Namazi penting untuk membuktikan bahasa Melayu seperti juga bahasa Inggeris yang boleh menjadikan seseorang itu menguasai teknologi.

(Dipetik dari Utusan Melayu online 16 November 2014)

Jawab semua soalan berikut.

- (a) Pada pendapat anda, apakah yang dimaksudkan oleh penulis apabila mengatakan “untuk menjadikan bahasa Melayu itu setaraf dengan bahasa-bahasa ini, satu usaha yang kuat terutamanya pembabitan golongan orang politik.”?
- (b) Pada pendapat anda, apakah maksud Tan Sri Muhyiddin Yassin dengan ungkapan “....Saya tidak fikir bahasa saya harus dibunuh hanya kerana saya nak memperkasakan bahasa Inggeris.”?
- (c) Apakah anda bersetuju dengan pandangan Menteri Pendidikan yang menyatakan bahawa “....bahasa Melayu memang layak menjadi bahasa ilmu”?
- (d) Apakah yang anda faham dengan kenyataan “....bahasa Melayu sememangnya boleh dijadikan sebagai bahasa ilmu apabila bahasa Melayu telah dijadikan sebagai bahasa penyelidikan dan sudah dibukukan.”?
- (e) Adakah anda bersetuju dengan kenyataan penulis yang bahasa Melayu mampu setanding dengan bahasa Jepun dan China?
- (f) Pada pandangan anda, benarkah masyarakat Melayu terlalu lemah untuk memartabatkan bahasa Melayu?
- (g) Pada pendapat anda apakah jawapan kepada petanyaan “....mengapa hari ini tidak mengolah kaedah lama yang telah digunakan itu dalam dunia moden ini?” yang dikemukakan oleh Dr. Latiff Bakar Ketua Satu Gabungan Persatuan Penulis Nasional?
- (h) Kenapakah Namazi Azahari menyangkal sekeras-kerasnya dakwaan untuk menguasai teknologi perlu menguasai bahasa Inggeris?
- (i) Pada pandangan anda, mampukah kita menguasai ilmu teknologi tanpa memahami bahasa Inggeris?
- (J). Berdasarkan hujah-hujah yang dikemukakan dalam rencana ini, wajarkah sistem pendidikan kita menggunakan bahasa kebangsaan sepenuhnya di semua peringkat pendidikan?

(20 markah)

**Soalan 2**

**Sila isikan ruang kosong dalam ayat-ayat berikut dengan kata sendi yang sesuai.**

- (a) Patung yang ditemui oleh pasukan penyelidik itu diperbuat \_\_\_\_ emas.
- (b) \_\_\_\_ masa itu kehidupan kami ibarat kais pagi makan pagi kais petang makan petang.
- (c) Angkatan pemuda bersumpah \_\_\_\_ kesatuan bangsa, mereka bersedia berkorban mempertahankan bahasa kebangsaan negara ini.
- (d) Perabot kayu Jati itu diimpot \_\_\_\_ tanah seberang.
- (e) Laporan ini harus sampai \_\_\_\_ Kementerian Pelajaran tidak lewat \_\_\_\_ hari Isnin hadapan.

(5 markah)

**Soalan 3**

**Sila baiki ayat-ayat berikut yang mengandungi kesalahan ejaan dan tatabahasa.**

- (a) Abu menjelaskan yang keretanya mengalami kerosakan ketika dalam perjalanan ke mari.
- (b) Kegagalannya untuk meneruskan perlumbaan itu adalah disebabkan dia telah mengalami kekejangan otot.
- (c) Adalah dimaklumkan kawasan Bandar Baru Bangi akan mengalami gangguan bekalan air.
- (d) Kumpulan kami ditugaskan untuk menyiapkan aturcara majlis itu.
- (e) Permaidani itu dibeli oleh saya ketika di Kashmir.

(5 markah)

**Soalan 4**

Sila isikan ruang kosong dengan kata hubung yang sesuai.

- (a) Ridzuan \_\_\_\_ emaknya akan bertolak sebentar lagi \_\_\_\_ ayahnya akan menyusul kemudian.
- (b) Buah-buah durian \_\_\_\_ dibelinya itu besar-besar semuanya!
- (c) Penonton telah bersorak dengan gemuruh \_\_\_\_ pasukan Negara Berjaya menjaringkan gol.
- (d) Faridah menyatakan \_\_\_\_ dia tidak jadi menyertai rombongan itu \_\_\_\_ adiknya ditimpa kemalangan.
- (e) \_\_\_\_ mendapat biasiswa ke London, Aminah perlu memperoleh keputusan yang cemerlang.

(5 markah)

**Soalan 5**

Sila tukarkan sama ada ayat transitif aktif kepada ayat transitif pasif atau sebaliknya.

- (a) Salmah telah cuba untuk menjelaskan hal tersebut kepada ayahnya.
- (b) Semua sawah padi di kampong itu diserang tikus hingga tuaian musim ini sama sekali tidak dapat dinikmati.
- (c) Mak Limah menyajikan tetamunya kuih-muih.
- (d) Saya perlu menyiapkan kertas kerja ini sebelum hujung minggu ini.
- (e) Pencuri itu kena tangkap polis meskipun berjaya melepaskan diri dari kepungan orang ramai.

(5 markah)

**BAHAGIAN C (Jumlah: 40 markah)****ARAHAN: Jawab SATU (1) soalan sahaja.****Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

Tuliskan sebuah karangan berdasarkan salah satu persoalan berikut. Panjangnya karangan tersebut hendaklah tidak kurang daripada 400 patah perkataan. Bagi soalan 1, 2 dan 3 markah diberikan berdasarkan kriteria berikut:

Bahasa dan ejaan	16 markah
Pengenalan	2 markah
Penyusunan isi	4 markah
Pengolahan isi	6 markah
Perengganan	4 markah
Tautan	4 markah
Kesimpulan	2 markah
Tajuk	2 markah
Jumlah	40 markah

Manakala bagi soalan ke-4 pula markah diberikan berdasarkan kriteria berikut:

Bahasa dan ejaan	16 markah
Tajuk	2 markah
Gubahan plot	4 markah
Perkembangan konflik	6 markah
Perengganan	4 markah
Tautan	4 markah
Klimaks dan peleraian	4 markah
Jumlah	40 markah

**Soalan 1**

Laman-laman sosial seperti facebook dan twitter banyak memberi kemudahan untuk tujuan perhubungan sosial. Bincangkan kebaikan dan keburukan laman-laman sosial ini.

(40 markah)

**Soalan 2**

Industri pelancongan mampu menjana pendapatan yang lumayan kepada negara. Bincangkan.

(40 markah)

**Soalan 3**

Huraikan pengalaman anda dalam bidang sukan yang pernah anda ceburi.

(40 markah)

**Soalan 4**

Bunyi dering telefon mengejutkannya daripada lamunannya. Dia bergegas mengangkat gagangnya. Di hujung talian terdengar satu suara yang telah lama tidak didengarinya. Walaupun suara itu sudah terlalu lama tidak didengarinya, suara itu masih segar dalam ingatannya.

“Boleh saya bercakap dengan ....?”

Sila sempurnakan kisah di atas mengikut kreativiti anda.

(40 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**